

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans perjalanan anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga digalakkan membacanya.



Tarikh:

1 Apakah Jom Lokal Travel Personal Accident?

Jom Lokal Travel Personal Accident ialah insurans perjalanan untuk perjalanan darat dalam negara. Produk ini menyediakan perlindungan untuk kematian, hilang upaya kekal dan perbelanjaan perubatan akibat kemalangan serta keracunan makanan, bayaran ambulans, penghantaran pulang jenazah, kad kredit, perlindungan e-dompot / dompet digital dan gangguan perjalanan akibat kerosakan kenderaan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium sebanyak **RM20**, seorang lelaki berumur 30 tahun yang membeli jumlah diinsuranskan sebanyak **RM50,000** selama 9 hari akan menerima perlindungan berikut:

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
1. Kematian Akibat Kemalangan¹ – RM50,000 setiap orang yang diinsuranskan di dalam kenderaan yang ditetapkan 2. Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan¹ – RM50,000 setiap orang yang diinsuranskan di dalam kenderaan yang ditetapkan 3. Perbelanjaan Perubatan akibat Kemalangan¹ – RM5,000 setiap orang yang diinsuranskan di dalam kenderaan yang ditetapkan 4. Keracunan Makanan¹ – RM200 setiap orang yang diinsuranskan di dalam kenderaan yang ditetapkan 5. Bayaran Ambulans Tempatan akibat Kemalangan¹ – RM300 setiap orang yang diinsuranskan di dalam kenderaan yang ditetapkan 6. Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah – RM5,000 setiap orang yang diinsuranskan 7. Kehilangan Telefon Bimbit akibat Ragut / Rompakan – RM500 setiap orang yang diinsuranskan 8. Perlindungan E-Dompot / Dompot Digital – RM200 setiap orang yang diinsuranskan 9. Kehilangan Kad Kredit – RM200 setiap orang yang diinsuranskan 10. Pembatalan Perjalanan² – RM200 setiap orang yang diinsuranskan 11. Gangguan Perjalanan³ (setiap kenderaan yang ditetapkan) a) Penundaan akibat Kerosakan Kenderaan – RM200 b) Perbelanjaan Pembaikan Kecil Jalan Raya – RM200 c) Pengangkutan Alternatif – RM200 d) Perlindungan Lebihan Kereta Sewa – RM1,000 e) Indemniti Berganda – mengikut jumlah yang diinsuranskan	• Sebarang penyakit sedia ada. • Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, pendedahan sengaja kepada bahaya, bunuh diri atau mencederakan diri dengan sengaja. • HIV dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutan. • Penerbangan selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan • Peperangan, pencerobohan, pemberontakan, tindakan permusuhan musuh asing. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Nota:

¹Dalam kenderaan yang ditetapkan, jumlah yang diinsuranskan hendaklah bersamaan dengan 5 atau 7 kali ganda jumlah yang diinsuranskan, berdasarkan sama ada kenderaan itu mempunyai kapasiti tempat duduk 5 atau 7.

²Insurans mesti dibeli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum permulaan perjalanan

³Orang yang diinsuranskan akan menikmati had berganda walaupun mempunyai polisi Generali lain yang berkuat kuasa.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans perjalanan anda, anda boleh:				Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:
				Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK
Hubungi kami di 1300 13 2121 atau +603 3007 2121	Layari laman web kami di: Domestic Travel Insurance Generali Malaysia	E-mel kami di: customer.service.qi @generali.com.my	Imbas kod QR di atas	

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans perjalanan ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard	RM20 (setiap perjalanan)
Perlindungan Tambahan	-
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM20	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	25% daripada premium atau RM5.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM1.60

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan. - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko. Tuntutan: Jika berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami tidak lewat daripada 45 hari dari kejadian tersebut. Semua dokumen sokongan yang mengesahkan kerugian bagi tuntutan anda hendaklah dikemukakan kepada kami. Individu Yang Layak: - Warganegara Malaysia, pemastautin tetap, pemegang permit kerja, pemegang pas, dan mereka yang menetap secara sah di Malaysia. - Anda / pemegang polisi mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan kesemua orang yang diinsuranskan (jika ada) berumur antara 30 hari hingga 80 tahun. Tunai Sebelum Perlindungan: Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah sebelum tarikh kuat kuasa polisi. Pemandu Yang Layak: Anda / yang diinsuranskan mesti pemegang lesen memandu yang sah dan diiktiraf di Malaysia. - Produk ini tersedia untuk individu atau kumpulan seramai 5 atau 7 orang, dengan perlindungan sehingga 15 hari. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.
--

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Walau bagaimanapun, bayaran balik premium tidak dibenarkan setelah polisi dikeluarkan.